



WANITA DALAM PENDIDIKAN TEKNIKAL



ALI SURADIN

JULIANA MAHPOL

FARA NUR ASMA

SEMINAR WANITA ERA BARU

26 MAC 2005

**PUSAT PEMBANGUNAN KELUARGA
UNIVERSITI MALAYA**



Universiti Malaya



Kementerian Pembangunan
Wanita, Keluarga dan Masyarakat

SEMINAR WANITA ERA BARU

Tema :

Ke Arah Melahirkan Wanita Berketrampilan dan Idola Keluarga

Tarikh :

26hb Mac 2005 (SABTU)

Tempat :

Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya

Tajuk Kertas Kerja:

Wanita dalam Pendidikan Teknikal

Oleh:

Ali Suradin, Juliana Mahpol & Fara Nur Asma

Kolej Universiti Teknologi Tun Hussien Onn

Beg Berkunci 101, Parit Raja

86400 Batu Pahat

Johor



**Pusat Pembangunan Keluarga
Universiti Malaya (UMCFD)**

Wanita, Pendidikan dan Teknikal

**Ali Suradin, Juliana Mahpol, Fara Nur Asma Mohd Basri
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn
Beg Berkunci 101, Parit Raja
86400 Batu Pahat
Johor Darul Ta'zim**

ABSTRAK

Malaysia kini, merupakan sebuah negara yang melalui proses perindustrian dan perbandaran yang pesat dan kesan daripada proses ini telah mengubah watak tradisi kaum hawa iaitu wanita. Model keluarga dahulu di mana kaum lelaki sebagai pencari rezeki dan kaum wanita sebagai suri rumah tangga yang bergantung penuh kepada suami sudah kurang sesuai diguna pakai di zaman kini. Di dalam bidang yang dipelopori oleh kaum lelaki seperti bidang teknikal, kaum wanita turut sama bersaing menceburi bidang ini. Namun, oleh kerana sempadan jantina, telah menghalang wanita yang berkecenderungan untuk mengembangkan potensi mereka. Oleh kerana kaum wanita lewat memasuki bidang ini, maka hanya segelintir daripada mereka yang layak dijadikan contoh untuk menceburi bidang ini. Kebanjiran pelajar-pelajar wanita yang mengambil kursus-kursus teknikal di institusi-institusi pengajian tinggi telah membuka mata pelbagai pihak mengenai kebolehan kaum wanita menceburi bidang ini. Persoalan yang timbul ialah bagaimanakah cara terbaik untuk menangani situasi ini. Kajian ini diharapkan dapat menyingkap dan memahami keperluan dan kehendak wanita yang menceburi bidang teknikal dan kekangan yang mereka hadapi untuk terus maju dalam bidang ini.

1.0 Pengenalan: Wanita Masa Kini

Memetik akhbar Mingguan Malaysia bertarikh 5 September 2004, kita terpegun apabila seorang demi seorang kaum hawa muncul di akhbar untuk mencipta rekod dengan cara mereka tersendiri sekaligus mengharumkan nama negara. Contohnya, Datin Paduka Sharifah Mazlina Syed Abdul Kadir, yang memasang impian untuk menjelajah Antartika secara solo yang bermula pada 4 Disember 2004 lalu. Untuk mencapai impian, beliau mempersiapkan diri dari segi mental dan fizikal sebagai persediaan untuk menghadapi cabaran yang bakal mendatang. Ini termasuklah menjalani latihan tinggal di dalam rumah salji selama tiga hari di Genting Highlands. Seorang lagi wanita kental yang mempunyai caranya tersendiri untuk menonjolkan kebolehan wanita ialah Suwaibah Muhammad Nasir. Beliau telah berlari secara solo mengelilingi Semenanjung selama 47 hari yang berakhir pada 7 Oktober 2004 lalu. Larian Suwaibah bukan sekadar untuk mencipta rekod akan tetapi disertakan dengan kemurahan hati beliau mengumpul dana untuk Majlis Kanser Nasional (Makna). Dari negeri Cik Siti Wan Kembang pula, Nur Malena Hassan, tidak ketinggalan mencipta rekod, gadis yang lebih dikenali sebagai Ratu Jengking Malaysia telah nekad untuk tinggal bersama-sama 6000 kala jengking sejak 21 Ogos 2004 di dalam sebuah bilik kaca di Kuantan. Matlamatnya adalah untuk berada di dalam bilik kaca tersebut sehingga 25 September lalu.

Berdasarkan akhbar Mingguan Malaysia bertarikh 12 September 2004 pula, hasil daripada kejayaan Janet Chen, iaitu juruterbang wanita pertama Malaysia yang menerbangkan pesawat komersial milik syarikat penerbangan AirAsia Bhd terus membuka mata dua gadis kelahiran Kuala Lumpur iaitu Noor Hafizah Mohd Idrus dan Ilayana Nazli Shah yang kini menjalani latihan penerbangan di Akademi Penerbangan Malaysia (MFA) untuk turut mengikuti jejak langkahnya.

Berdasarkan daripada kisah-kisah di atas, pepatah Melayu ada mengatakan 'tangan yang menghayun buaian mampu menggoncang dunia' sememangnya tidak dapat disangkal lagi. Wanita yang dikenali dengan sifat lemah lembut sesuai dengan budaya ketimuran mampu melakukan perkara yang setanding dengan kaum lelaki.

Menurut Dato' Dr Ismail bin Haji Ibrahim, bekas Ketua Pengarah Institut Kefahaman Islam Malaysia ketika membicarakan isu pemartabatan wanita di dalam Seminar yang membawakan tema yang sama anjuran Institut Kefahaman Islam Malaysia pada 18 Ogos 1999, perkara pertama yang disentuh ialah pemartabatan wanita dari pandangan umum world-view Islam yang meletakkan wanita dalam status kemanusiaan yang sama dengan lelaki. Bagaimanapun beliau menjelaskan bahawa isu pemartabatan wanita bukanlah hanya dari satu sudut sahaja, atau hanya dengan menekankan kepada apa yang sering diulang-ulangkan pada masa yang lampau, terutamanya dari sudut pandangan agama yang telah diketahui umum. Memang tidak dapat dinafikan bahawa fakta sejarah dan penekanan al-Quran dan Sunnah amat penting sekali ditonjolkan dalam membicarakan isu wanita, tetapi orang Islam juga harus peka dan perihatin dengan perkembangan semasa yang berlaku di sekelilingnya.

Wanita pada masa kini hakikatnya tidak banyak bezanya dengan pada masa lampau. Cuma perbezaan yang ketara mungkin dari segi pendedahan wanita terhadap ilmu dan bidang pekerjaan yang lebih meluas. Begitu juga halnya dengan penglibatan wanita dalam bidang pendidikan teknik dan vokasional. Bidang ini merangkumi aspek yang cukup luas iaitu dari hal masak-memasak yang begitu sinonim dengan sifat kewanitaan hingga kepada bidang kejuruteraan yang bukan sahaja memerlukan kemahiran yang tinggi tetapi juga ilmu teoritikal yang mantap. Kelembutan wanita tidak lagi menjadi penghalang kepada faktor menceburkan diri dalam bidang ini. Mungkin wanita kurang kekuatan fizikal berbanding lelaki, tetapi hakikatnya wanita tidak pula lemah dari aspek mentaliti dan perkara inilah menjadi alasan kukuh mengapa kemampuan wanita tidak perlu dipersoalkan dalam bidang pendidikan teknik dan vokasional.

2.0 Kelebihan Wanita Berbanding Lelaki

Melalui sejarah Islam, martabat wanita sangat dipandang tinggi dan hak-hak wanita adalah dipandang tinggi. Sebagai contoh wanita sebagai seorang ibu. Darjat seorang ibu adalah tiga kali lebih tinggi berbanding bapa hinggakannya syurga itu adalah diibaratkan di bawah tapak kaki ibu.

Dalam lapangan pendidikan, wanita ternyata lebih tabah dan lebih mampu melaksanakannya dengan baik. Ini kerana wanita dikurniakan oleh Allah s.w.t sifat-sifat kelembutan dalam mendidik di samping tegas pada satu-satu masa. Bukan untuk menidakkan kemampuan lelaki, tetapi fokusnya di sini ialah sememangnya wanita mempunyai tugas dan tanggungjawab terhadap mendidik anak-anak. Fitrah yang begini mendorong kemampuan wanita dalam bidang pendidikan yang mana mereka mampu mendidik bukan sahaja anak-anak sendiri, tetapi juga anak-anak bangsa yang lain. Sejak dari zaman Rasulullah s.a.w, wanita telah mula menjadi pendidik kepada masyarakat. Sumbangan mereka amat besar dalam mempelajari, memelihara dan mengajarkan hadis-hadis dan sunnah-sunnah Rasul. Apabila penyampaian mereka mula mendapat sambutan ramai pada waktu itu, termasuk dari kaum lelaki, mereka menyuarakan hasrat mereka untuk mendapatkan pendidikan yang khas supaya penyampaian mereka lebih berkesan dan baginda Rasulullah juga bersetuju memandangkan ia merupakan usaha yang sangat murni. Ini menunjukkan bahawa dalam agama Islam sendiri menggalakkan wanita menuntut ilmu dan tiada halangan untuk mereka menyampaikannya kerana ia perkara yang murni dan nyata sekali tiada halangan bagi kaum wanita untuk memajukan diri.

3.0 Peranan Wanita Dalam Pendidikan Menurut Islam

Sewaktu zaman Romawi dan zaman Jahilliyah wanita dikenali sebagai pemuas nafsu dan dijual sebagai hamba. Mereka tidak diberikan walau satu ruang untuk memajukan diri apatah lagi untuk menimba ilmu. Namun begitu, apabila sinar Islam menerangi kehidupan manusia, baik lelaki mahupun wanita diseru untuk menimba ilmu. Seinggakan diseru menimba ilmu

walaupun sampai ke negeri China. Sejarah Islam telah menggambarkan seolah-olah wujud statistik penglibatan wanita di dalam aktiviti kehidupan dunia pada zaman Rasulullah s.a.w. dan para sahabatnya. Bagaimanapun statistik ini bukanlah hanya menggambarkan angka dan kuantiti sahaja, malah lebih dari itu menggambarkan kualitinya, keterampilan para wanita zaman itu dalam bidang ilmu pengetahuan, sehingga sejarah dapat menyaksikan personaliti wanita seperti Aishah yang menguasai bidang ilmu yang amat mendalam disamping mempunyai keperibadian yang terpuji di kalangan wanita Islam pada waktu itu. Atas kehebatannya itulah beliau menjadi antara tujuh sahabat baginda rasul yang terkenal dengan fatwa.

Maka demikian jugalah halnya sekarang iaitu yang seharusnya mendapat perhatian kita bahawa statistik wanita Islam yang menonjol di dalam masyarakat dan negara kita, tidak seharusnya hanya menggambarkan kedudukan kuantiti yang dapat dibanggakan, tetapi kualiti mereka juga haruslah merupakan sesuatu yang membezakan wanita Islam di negara kita dari wanita Islam di negara lain, iaitu dari sudut keilmuan, moral dan maruah yang tinggi dan dominan. Pada ketika itu barulah penglibatan wanita dalam masyarakat kita benar-benar dapat dibanggakan.

Seruan Nabi Muhammad S.A.W telah mengubah persepsi manusia mengenai kedudukan wanita dalam masyarakat. Ini diperkukuhkan lagi apabila isteri Nabi sendiri iaitu Siti Aisyah terkenal sebagai tokoh ilmunan. Menurut Mukhlis (1999), seruan Nabi ini telah meniup semangat golongan wanita untuk bangkit dalam menimba ilmu terutamanya ilmu yang berkaitan dengan sains dan teknologi. Dengan adanya wanita yang berilmu maka generasi yang bakal dilahirkan turut terdiri di kalangan mereka yang berilmu dan berwawasan dan ini akan memberikan keuntungan kepada masyarakat, bangsa dan negara. Oleh yang demikian, tidak hairanlah sekiranya sewaktu konvokesyen di universiti golongan yang mendapat anugerah cemerlang terdiri dikalangan wanita. Sebagai contoh, Norashikin Abdul Hamid yang memperoleh Anugerah Presiden Universiti Multimedia pada tahun 2002 sebagai ganjaran pelajar terbaik konvokesyen beliau yang menuntut dalam jurusan Kejuruteraan Telekomunikasi pada waktu itu. Beliau telah mencipta sejarah apabila tampil sebagai pelajar Melayu dan perempuan pertama yang menerima anugerah itu. Beliau turut bersetuju dengan pendapat bahawa wanita sememangnya kalah sekiranya dibandingkan dengan kekuatan fizikal lelaki tetapi wanita mempunyai keistimewaan tersendiri dari segi rekacipta.

4.0 Wanita Kuasai Institusi Pengajian Tinggi (IPT)

Kita dikejutkan apabila akhbar melaporkan bahawa bilangan pelajar wanita ke IPT adalah lebih tinggi berbanding lelaki. Fenomena ini bukanlah perkara baru kerana dalam artikel 'Wanita Jaguh Di IPT', laporan perangkaan pendidikan Malaysia menunjukkan perbezaan berkenaan sudah berlaku sejak 1980an. Pada 1992, kemasukan pelajar wanita di hampir semua institusi pengajian tinggi awam (IPTA) jauh lebih tinggi berbanding lelaki berbanding pada 1982 yang mana jumlah pelajar lelaki masih lagi

menandingi wanita. Ada yang beranggapan fenomena ini berlaku berikutan timbul kesedaran dikalangan ibu bapa untuk menyekolahkan anak perempuan pada 1970-an berikutan kempen pendidikan yang dijalankan kerajaan ketika itu. Namun, faktor berkenaan tidak begitu menunjukkan bagaimana dalam masa dua dekad jumlah pelajar wanita berjaya mengatasi lelaki.

Pensyarah Psikologi Universiti Islam Antarabangsa, Dr Noraini Mohammad Noor, menyatakan bahawa terdapat beberapa faktor yang menyumbang kepada fenomena berkenaan termasuk tawaran kursus di IPT yang tidak seiring dengan minat pelajar lelaki. Kerana berdasarkan kajian didapati kebanyakan kursus yang ditawarkan ketika itu banyak menjurus kepada bidang yang lebih diminati wanita seperti sastera dan perguruan. Pelajar lelaki didapati lebih meminati kursus yang bersifat teknikal seperti kejuruteraan tetapi tidak banyak kursus sebegitu yang disediakan. Justeru, ramai pelajar lelaki tidak melihat prospek pekerjaan apabila keluar daripada IPT kelak dan ini mendorong mereka untuk tidak melanjutkan pengajian ke IPT. Tetapi kebanyakan IPT swasta kini membuka lebih ruang kepada pelajar lelaki dengan menawarkan pelbagai kursus berbentuk teknikal.

Sebelum 1970, penyertaan kanak-kanak perempuan ke sekolah tidak setinggi kanak-kanak lelaki. Tanggapan masyarakat ketika itu bahawa kanak-kanak perempuan hanya layak berada di dapur, selain akan meninggalkan keluarga apabila berkahwin menyebabkan mereka tidak dilihat sebagai anak yang dapat membantu keluarga. Bagaimanapun, selepas kemerdekaan dasar kerajaan yang melihat kepentingan menggunakan setiap sumber tenaga yang ada bagi pembangunan negara termasuk wanita membuka pemikiran masyarakat tradisi. Dr. Noraini berkata, kajian menunjukkan sistem sosial kekeluargaan pada 1970an khususnya perubahan pemikiran masyarakat itu turut membantu peningkatan pelajar perempuan ke sekolah dan melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.

Ketika itu disebabkan kemiskinan ramai ibu bapa yang mulai sedar anak perempuan juga boleh membantu keluarga meskipun sebelum itu anak lelaki lebih diutamakan. Perubahan sosial masyarakat itu secara tidak langsung membolehkan lebih ramai kanak-kanak perempuan ke sekolah dan seterusnya melanjutkan pelajaran. Selain itu, faktor kemiskinan juga menyebabkan ramai ibu bapa yang menyuruh anak lelaki bekerja bagi membantu keluarga sehingga ada yang tidak dapat menamatkan persekolahan, manakala anak perempuan berpeluang untuk terus bersekolah hasil bantuan anak lelaki tadi. Bagaimanapun, beliau tidak menafikan sistem sosial sejak tiga dekad kebelakangan ini gagal melahirkan anak lelaki cemerlang berbanding anak perempuan yang dikatakan lebih bertanggungjawab dan mempunyai wawasan untuk membawa keluarga keluar dari kancha kemiskinan. Malah, pelajar lelaki juga dikatakan kurang tumpuan berbanding pelajar wanita dan sering terbabit dalam pelbagai kegiatan yang tidak bermanfaat khususnya gejala sosial yang semakin berleluasa seiring dengan pembangunan pesat negara.

Jika dulu tanggungjawab terhadap keluarga biasanya dibebankan kepada anak lelaki. Tetapi, anak perempuan dikatakan mempunyai sifat simpati dengan nasib ibu bapa walaupun mereka akan berkahwin kelak. Jadi, kebanyakannya menganggap pendidikan adalah jalan terbaik bagi membantu keluarga. Selain itu, pelajar lelaki pula dikatakan tidak secemerlang pelajar wanita. Ini ditunjukkan daripada laporan prestasi pelajar wanita yang jauh lebih cemerlang berbanding pelajar lelaki di kebanyakan IPT.

Pada tahun 2001, penyelidikan telah dilakukan oleh Norhayati Soin, Siti Fatimah Siraj, Wan Nor Liza Mahadi dan Norfizah Md. Ali, mendapati jumlah pelajar wanita paling ramai mengikuti kursus-kursus kejuruteraan yang tidak memerlukan penggunaan tenaga fizikal. Antara kursus-kursus berkenaan yang ramai pelajar perempuan ialah kejuruteraan bio-perubatan, kejuruteraan CAD/CAM dan kejuruteraan telekomunikasi. Menurut mereka, kursus-kursus berkenaan memerlukan tumpuan mental dan penggunaan komputer yang lebih berbanding penggunaan tenaga seperti kejuruteraan awam.

Sementara itu, kajian mereka terhadap kakitangan akademik wanita di fakulti kejuruteraan Universiti Malaya juga menunjukkan jumlah pensyarah wanita juga meningkat, khususnya di Jabatan Kejuruteraan Awam dan Kejuruteraan Elektrikal. Secara keseluruhan sebanyak 23.9 peratus kakitangan akademik wanita berkhidmat di Fakulti Kejuruteraan dengan pecahan kepada Kejuruteraan Awam sebanyak 34.8 peratus, Kejuruteraan Bio-perubatan sebanyak 20 peratus dan Kejuruteraan CAD/CAM sebanyak 13.3 peratus. Manakala Kejuruteraan Elektrikal dan Telekomunikasi sebanyak 33.3 peratus, Kejuruteraan Kimia sebanyak 27.8 peratus dan Kejuruteraan Mekanikal sebanyak 4.8 peratus.

Menurut mereka lagi, golongan wanita menghadapi banyak cabaran apabila menyertai bidang berkenaan dan salah satu cabaran besar ialah untuk meningkatkan pengiktirafan masyarakat terhadap profesion itu. Namun begitu secara amnya, peranan dan cabaran yang mereka hadapi semasa bertugas adalah sama seperti jurutera lelaki.

5.0 Bidang Teknikal di Malaysia

Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) merupakan salah satu cabang sistem pendidikan negara. Konsep Falsafah Pendidikan Kebangsaan telah digunakan dalam PTV sebagai landasan untuk memilih matlamat, kaedah dan tujuan pendidikan. Program PTV dilihat mempunyai objektif yang nyata. Pertama, sesuai dengan kehendak masyarakat serta negara, kedua memenuhi keperluan seseorang individu dalam masyarakat (Yahya Emat, 1993). Ini dapat dibuktikan dengan kemahiran yang ditawarkan dan diajar dapat digunakan untuk merebut peluang-peluang pekerjaan yang

mana memerlukan kemahiran tertentu seperti dalam bidang perindustrian, pertanian ataupun pertukangan.

Hasrat negara adalah untuk memajukan dan melabelkan Malaysia sebagai sebuah negara perindustrian yang maju yang mana banyak memerlukan pekerja-pekerja mahir. Keperluan masyarakat dalam hal ini dapat dipenuhi dengan melahirkan satu kumpulan pekerja mahir manakala keperluan individu pula boleh dipenuhi dengan mewujudkan satu saluran bagi mereka untuk menjadi produktif, berdikari dan ahli masyarakat yang boleh menyumbang kepada masyarakat amnya dan negara khususnya.

Pendidikan teknik dan vokasional di negara ini adalah dijalankan sama ada oleh kerajaan ataupun pihak swasta. Agensi-agensi ataupun kementerian yang bertanggungjawab terhadap segala kursus serta program yang berkaitan dengan pendidikan teknik dan vokasional adalah di bawah kuasa Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Belia dan Sukan, dan juga MARA. Setiap agensi ini mempunyai corak latihan dan pendidikan yang sama iaitu bagi melahirkan tenaga mahir dan separuh mahir untuk memenuhi keperluan di bidang teknikal dan vokasional. Terdapat juga agensi swasta seperti Institut Teknologi Federal, Institut Teknologi Pekerja, dan juga Jayadiri Institut of Technology yang mengendalikan kursus kemahiran tetapi hanyalah bagi keperluan mereka sendiri. Mereka akan menghantar pelajar mereka bagi menduduki peperiksaan atau ujian yang dikendalikan oleh Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK) ataupun agensi luar seperti British Technical Education Council (BTEC), City And Guilds (London) (Mohamed Rashid Navi Bax, 2004).

Jabatan Pendidikan Teknikal telah ditubuhkan pada tahun 1995 dari satu bahagian kecil yang dikenali sebagai Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional (BPTV) yang bermula pada tahun 1964. Misi utamanya adalah untuk menyediakan pendidikan teknikal yang dapat membantu perkembangan insan cemerlang. Ia juga mempunyai visi untuk membentuk sistem pendidikan teknikal bertaraf dunia yang memenuhi keperluan semasa negara. Jabatan ini mempunyai dua objektif yang jelas iaitu memberi peluang kepada pelajar yang mempunyai kecenderungan dalam pendidikan sains dan teknologi memperluaskan kebolehan mereka menjadi tenaga kerja yang berteknologi tinggi dan warga negara yang produktif. Jabatan ini juga menawarkan program teknologi yang lebih *rigorous* bagi membolehkan pelajar berpotensi menjadi separa profesional dalam pelbagai bidang teknikal dan kejuruteraan (Khair Mohamad Yusof).

Melalui cara ini, negara akan dapat melahirkan tenaga kerja yang berpengetahuan tinggi, berketerampilan dan mengamalkan nilai-nilai murni. Fungsi utama bahagian ini pula adalah untuk memastikan kesinambungan polisi pendidikan dan perkembangan pendidikan teknikal dan vokasional di Malaysia. Bidang operasinya adalah termasuk menyediakan perkhidmatan dalam penyelidikan, perancangan, pelaksanaan, pengkoordinasi, pengawasan, dan juga memantau perkembangan pendidikan teknikal dan vokasional sebagai agensi pusat untuk sekolah dan politeknik. Dalam usaha

untuk merealisasikan Wawasan 2020, jabatan ini melalui objektif utamanya akan menuju ke arah pendidikan yang cemerlang. Menurut Mohamed Rashid Navi Bax (2004) berdasarkan penemuan kajian graduan politeknik yang dilakukan pada tahun 2003, didapati terdapat seramai 9738 responden dengan kadar kembalian sebanyak 70 peratus. Pelajar lelaki adalah sebanyak 57. peratus manakala pelajar perempuan adalah sebanyak 45.9 peratus. Untuk IPT yang diketahui terkenal dengan kursus-kursus berdasarkan kemahiran 45.9 peratus pelajar perempuan berjaya menamatkan kursus merupakan satu kejayaan kerana bidang yang ditawarkan oleh politeknik memerlukan kemahiran tertentu seperti dalam bidang perindustrian, pertanian ataupun pertukangan. Menjadikan bidang teknikal sebagai suatu profesion bukanlah menjadi satu kesalahan kerana menurut Mukhlis (1999), wanita mempunyai hak untuk bekerja, sekiranya dia diperlukan untuk pekerjaan tersebut atau dia memerlukan pekerjaan tersebut dengan syarat pekerjaan tersebut adalah dalam suasana terhormat, sopan dan dapat memelihara agama serta tiada unsur negatif yang boleh mencemar maruahnyanya.

Oleh yang demikian, sekiranya kursus-kursus teknikal di IPT dimonopoli oleh wanita bukanlah menjadi isu yang membimbangkan sebaliknya merupakan sesuatu yang patut dibanggakan kerana kesediaan wanita untuk turut sama membanting tulang meningkatkan taraf kehidupan rakyat Malaysia dengan menceburi bidang teknikal. Begitu juga halnya dengan apa yang berlaku di Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn. Hal ini jelas kelihatan dalam Fakulti Pendidikan Teknikal yang mana bidang ini rata-rata dimonopoli oleh pelajar perempuan. Lulusan-lulusan dari fakulti ini akan berkhidmat dengan Kementerian Pelajaran sebagai guru-guru teknikal di sekolah menengah teknik ataupun dengan Kementerian Pengajian Tinggi dan berkhidmat sebagai pensyarah di Kolej Komuniti dan Politeknik. Sebagai contoh program Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional sesi 2004/2005, terdapat 54 pelajar yang mengikuti program ini secara sepenuh masa dan hanya 11 orang daripadanya adalah pelajar lelaki. Selebihnya seramai 43 orang lagi adalah pelajar wanita. Bagi kursus Sarjana Muda Pendidikan Teknik dan Vokasional pula, seramai 104 orang adalah pelajar wanita dan 53 orang adalah pelajar lelaki. Penglibatan pelajar wanita dalam bidang-bidang yang menawarkan kemahiran seperti dalam Fakulti Teknologi Kejuruteraan juga menggalakkan. Mereka tidak terkecuali dalam kerja-kerja di bengkel dan kerja lapangan yang memerlukan mereka menggunakan tenaga fizikal seperti lelaki contohnya kerja-kerja mengimpal dan kerja ukur tanah.

6.0 Wanita Dalam Pendidikan Teknik dan Vokasional

Peranan yang dimainkan oleh pekerja wanita terutamanya sama ada pada peringkat bawahan seperti buruh hinggalah kepada peringkat pemimpin amat besar ertinya kepada sebuah negara yang sememangnya memerlukan tenaga kerja yang bukan sahaja mahir tetapi berkebolehan memikul tugas yang diamanahkan. Menurut Timbalan Setiausaha Agung Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS), Jimilah Harun,

peranan dan sumbangan wanita yang bekerja tidak boleh dipandang ringan oleh semua pihak. Menurutnya, pekerja wanita sama ada yang berjawatan tinggi mahupun rendah mempunyai peranan dan sumbangan mengikut keperluan masing-masing. Mereka sememangnya diakui merupakan pekerja yang bukan sahaja taat tetapi jujur dan tekun dalam melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan. Selain memainkan peranan sebagai wanita, isteri dan ibu, mereka juga mempunyai keupayaan memikul tanggungjawab dan beban yang sedia ada untuk membantu pertumbuhan ekonomi keluarga dan negara. Beliau turut menyeru semua pekerja wanita di negara ini supaya sentiasa bersedia menghadapi sebarang perubahan dan meningkatkan prestasi diri serta kerjaya dalam mengharungi cabaran pada alaf baru ini. Pengarah Urusan NS Linencraft Sdn. Bhd. Sharifah Noor Al-Attas menyatakan sebagai majikan, apa yang sentiasa diharapkan kepada pekerja ialah sentiasa berfikiran terbuka untuk melakukan sesuatu yang terbaik selaras dengan perubahan dan kehendak semasa. Katanya, ini penting supaya mereka dapat menjalankan tugas dengan lebih berkesan dalam memberi sumbangan ke arah peningkatan produktiviti syarikat. Menyentuh mengenai penglibatan wanita dalam sektor pekerjaan hari ini, beliau berkata peluang yang lebih terbuka dan luas yang diberikan kepada kaum hawa ini membuktikan peranan mereka tidak kurang pentingnya membantu proses pembangunan negara.

Perubahan juga ketara bagi industri minyak dan gas di mana jurutera wanita turut terlibat dengan aktiviti-aktiviti hulu atau mencari gali. Dalam artikel berjudul 'Jurutera Wanita Khidmat Mereka Teruji', berdasarkan kepada kerja yang dilakukan, didapati kaum lelaki lebih banyak berkhidmat di dalam industri ini. Sebagai contoh, Esso Malaysia merupakan syarikat yang menawarkan peluang pekerjaan yang sama rata dengan cabaran yang menyeronokkan kepada para jurutera di dalam semua bidang. Syarikat tersebut kini mempunyai 541 jurutera yang bekerja di dalam pelbagai situasi pekerjaan dan terdedah untuk mempelajari pelbagai kemahiran. Sepuluh peratus daripada jumlah itu adalah kaum wanita.

Secara keseluruhannya kejuruteraan sememangnya profesion yang mencabar dan perlu diceburi terutamanya oleh kaum wanita. Selain daripada ilmu akademik seseorang yang ingin menceburi bidang ini perlu mempunyai minat yang mendalam dan mestilah bersifat fleksibel dalam menerima cabaran.

Profesor Dr. Habibah Mohd Salleh merupakan bekas dekan di UiTM dan juga merupakan anak Melayu pertama yang menerima sarjana Kesusasteraan Bahasa Inggeris (MA in English Literature) dari Universiti Malaya (UM) pada 1969 dan kini berkhidmat sebagai penasihat di Kolej Empire Putra iaitu sebuah kolej yang terbabit dalam bidang latihan dan vokasional. Selepas bersara pilihan di UiTM sebagai profesor linguistik pada 1997, beliau telah ditawarkan sebagai Pengarah Pendidikan di Hong Leong Management School sebagai Pengarah Pendidikan sehingga 2002. Pengalaman mengetuai dan membina program untuk perkembangan sumber manusia dengan sistematik semasa di Hong Leong Management School memberikan kelebihan kepada beliau untuk dicurahkan di Kolej Empire

Putra. Matlamat beliau adalah untuk menukar pandangan masyarakat terhadap kursus-kursus yang dianggap sebagai kursus kelas bawahan iaitu dengan membawa standard lepasan sijil dan vokasional setaraf dengan diploma dan ijazah di mata majikan. Kini selepas 30 tahun dalam bidang pendidikan tinggi, Dr. Habibah adalah tokoh linguistik, pentadbir, perancang dan pemerhati pendidikan.

Contoh lain ialah pengarah-pengarah Institut Latihan Perindustrian (ILP) di bawah kelolaan Jabatan Tenaga Rakyat juga ada yang terdiri daripada kaum wanita seperti Puan Norliza Yaakob, pengarah ILP Kuantan, Pahang.

Kesimpulan

Hakikatnya, untuk sentiasa maju dan terpelihara, wanita mestilah mempunyai ilmu. Dalam Islam, ilmu tersebut merangkumi dua iaitu ilmu fardhu ain dan fardhu kifayah. Ilmu Fardhu Ain merangkumi ilmu yang wajib sebagai tanggungjawab sebagai hamba Allah manakala ilmu Fardhu Kifayah sebagai pelengkap manusia sesama makhluk Allah. Kedua-dua ini mempunyai kekuatan yang tersendiri dan pelengkap kepada seorang muslimah sejati. Tidak ada halangan bagi seorang wanita untuk memberi khidmat kepada masyarakat, agama, bangsa dan negara selagi ia tidak melanggar hukum agama. Tidak ada juga jurang kepentingan tenaga kerja seorang wanita dengan lelaki memandangkan secara fitrah masing-masing ada tanggungjawab yang tersendiri. Dalam konteks pendidikan teknikal, sumbangan wanita turut sama diperlukan dalam menjana tenaga kerja yang diperlukan oleh negara. Daripada keterlibatan golongan ini sebagai pendidik dalam bidang teknikal, hinggalah kepada penglibatan mereka sebagai tenaga kerja, ia memerlukan ilmu, minat dan kesungguhan untuk berjaya. Dalam penulisan Siti Zalikah Md Noor ada menyatakan, bahawa untuk merosakkan sebuah masyarakat, maka kaum wanitanya perlu dirosakkan terlebih dahulu. Beginilah gambaran betapa pentingnya peranan seorang wanita kerana fitrah sebagai seorang ibu, merupakan pendidik utama kepada anak-anak sekaligus kepada anak-anak bangsa.

Rujukan

- Abu Iqbal al-Mahalli. (2000). "Muslimah Modern: Dalam Bingkai Al-Qur'an dan Al-Hadits." LeKPIM dan Mitra Pustaka: Yogyakarta. Pp:
- Andek Masnah Andek Kelawa. (1999). "Kepimpinan Wanita Dalam Islam: Kedudukannya Dalam Syariah." Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia:Bangi, Selangor. Pp:
- Fadzlena Jafar. (2004). "Pelajar Wanita Jaguh di IPT."
- Ismail Ibrahim (1999). "Memartabatkan Wanita: Kuantiti Dan Kualiti". Utusan Malaysia. 27 Ogos 1999.
- Kaulah Abd Latief Al- Atiqi. (1999). "Wanita Islam Hari Ini: Kerja Dan Fungsinya". Pustaka Ilmi. Kuala Lumpur.
- Khair Mohamad Yusof. (2004) "Halatuju dan Perlaksanaan Kurikulum di Politeknik, Kolej Komuniti dan Sekolah Menengah Teknik di Malaysia." dalam Kertas Kerja Seminar Pemantapan PTV pada 30 Disember 2004. KUITTHO: Batu Pahat, Johor.
- Mohammed Rashid Navi Bax. (2004) "Halatuju dan Perkembangan Pendidikan Teknik dan Vokasional di Malaysia." dalam Kertas Kerja Seminar Pemantapan PTV pada 30 Disember 2004. KUITTHO: Batu Pahat, Johor.
- Mukhlas Asy-Sharkoni. (1999). "Apa Kata Islam tentang Wanita, Harta dan Takhta." Al-Hidayah Publishers: Kuala Lumpur. Pp: 8-19, 34-35, 78-81, 112-116.
- Norzaila Rosli .(2004). "Tiga wanita Satu Matlamat." Mingguan Malaysia: Rencana. (5 September 2004). Pp: 32
- Siti Maspiyah Hassan dan Nor Azizah Salleh (1995) "Pendidikan Vokasional Formal dan Non-Formal Ke Arah Wawasan 2020" dalam Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Pendidikan Negara Abad ke-21 pada 9 November 1995, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Siti Zalikhah Md Noor. (1985). "Wanita Islam dan Cabaran Masakini" dalam Bimbingan Muslimah. Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.
- Yahya Emat (1993), "Cabaran dan Strategi Pendidikan Teknik dan Vokasional Ke

arah Mencapai Wawasan 2020" dalam Jurnal Pendidikan Jilid 37, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur.

_____. (2004). "Dua Gadis Tekad Terbangkan Pesawat." *Mingguan Malaysia: Dalam Negeri*. (5 September 2004). Pp: 12

_____. "Kejuruteraan: Bilangan Pelajar Perempuan Kian Bertambah". *Utusan Malaysia Online*. 02 Januari 2001. <http://www.utusan.com.my/>. Tarikh Akses 1 Mac 2005.

_____. "Jawatan Tertinggi: Tiada Unsur Diskriminasi Jantina". *Utusan Malaysia Online*. 16 November 2000. <http://www.utusan.com.my/>. Tarikh Akses 1 Mac 2005.

_____. "Pekerja Wanita: Sumbangan Penting Dalam Pembangunan Negara". *Utusan Malaysia Online*. 01 Mei 2000. <http://www.utusan.com.my/>. Tarikh Akses 1 Mac 2005.

_____. "Jurutera wanita khidmat mereka teruji". *Utusan Malaysia Online*. 18 Februari 1998. <http://www.utusan.com.my/>. Tarikh Akses 1 Mac 2005.

